



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1999

PERATURAN-PERATURAN MENGENAI
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 4 Tahun 1998 mengenai perkara di atas dengan pindaan sebagaimana di lampiran A berkembar.

2. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 4 Tahun 1998 untuk panduan dan tindakan.

(DATO' HAJI NIK AZNAN SHAH BIN DATO' NIK ABDULLAH)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
KELANTAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
KELANTAN
KOTA BHARU

Bertarikh : 7 Jun 1999

[SUK.D.200 (01) 600/ 9 (4)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan : 1. Semua Pihak Berkuasa Berkanun
2. Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PINDAAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4
TAHUN 1998 (PERATURAN-PERATURAN MENGENAI
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM)**

BIL	PERENGGAN	PINDAAN
1	2.1.	Menggantikan perkataan “Ketua-Ketua Setiausaha” dengan perkataan “Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)”
2	3.1.	Menggantikan keanggotaan LPPA dengan yang berikut:- Pengerusi Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran) Ahli Wakil Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Wakil Pegawai Kewangan Negeri Ketua Penolong Setiausaha (Perkhidmatan) Pengarah Wilayah, Institut Tadbiran Awam Negara Setiausaha Penolong Setiausaha (Latihan)
3	5.	Menggantikan perkataan-perkataan “Kementerian” dengan perkataan “Jabatan”
4	5.1.	Menggantikan keahlian Lembaga dengan yang berikut:- Pengerusi Ketua Jabatan/ Timbalan Ketua Jabatan Ahli Ketua-Ketua Bahagian Jabatan Berkenaan atau wakil Wakil Bahagian Perkhidmatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan Setiausaha Ketua Bahagian yang bertanggungjawab mengenai urusan perkhidmatan
5	6.	Menggantikan perkataan “Kementerian” dengan perkataan “Jabatan”
6	8.1.	Menggantikan perkataan “Jabatan Perkhidmatan Awam” dengan perkataan “Bahagian Perkhidmatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan”
7	9.1.	Menggantikan perkataan “Jabatan Perkhidmatan Awam” dengan perkataan “Bahagian Perkhidmatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan”
		Menggantikan perkataan “Kementerian” dengan perkataan “Jabatan”
9	11.1.	Menggantikan perkataan “Ketua Setiausaha Kementerian” dengan perkataan “Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)”
		Menggantikan perkataan “Kementerian” dengan perkataan “Jabatan”



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 1998

**PERATURAN-PERATURAN MENGENAI
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM**

1. **Tujuan**

1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk menerangkan peraturan-peraturan baru mengenai urusan peperiksaan perkhidmatan awam bagi menggantikan peraturan-peraturan yang dipakai sekarang.

2. **Peraturan Baru**

2.1 Bagi melicinkan urusan peperiksaan, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian adalah diberi kuasa untuk menggubal, meluluskan sukatan- sukatan peperiksaan Subjek Jabatan dan melaksanakan peperiksaan-peperiksaan bagi skim-skim perkhidmatan yang di bawah tanggungjawab beliau.

3. **Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam**

3.1 Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam (LPPA) yang telah diwujudkan melalui **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1982** adalah dengan ini dimansuhkan dan sebuah LPPA yang baru adalah diwujudkan dengan bidangkuasa dan keanggotaan yang diperkecilkan yang meliputi tanggungjawab terhadap peperiksaan-peperiksaan bagi Subjek-subjek Umum dan Subjek Jabatan bagi perkhidmatan Gunasama di bawah KPPA.

Keanggotaan LPPA yang baru adalah seperti berikut :-

- Pengerusi : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam/Timbangan Ketua
Pengarah Perkhidmatan Awam
- Ahli : Wakil Jabatan Peguam Negara
Wakil Perbendaharaan
Wakil Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU)
Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Perkhidmatan Awam
Pengarah Bahagian Perkhidmatan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
- Setiausaha - Timbalan Pengarah II, Bahagian Perkhidmatan,
Jabatan Perkhidmatan Awam.

4. Kuasa-Kuasa LPPA

4.1 Kuasa-kuasa dan tanggungjawab LPPA adalah seperti berikut :-

- i. Menentu dan meluluskan sukatan peperiksaan bagi Subjek Umum yang diambil oleh pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan Subjek Jabatan bagi Perkhidmatan Gunasama di bawah KPPA.
- ii. Melantik mana-mana pegawai Kerajaan dan panel-panel peperiksaan dengan jumlah keanggotaan yang sesuai untuk menguruskan peperiksaan-peperiksaan berkenaan.
- iii. Menimbang rayuan-rayuan berhubung dengan sesuatu peperiksaan.

5. **Penubuhan Lembaga Peperiksaan Kementerian**

5.1 Untuk melaksanakan peperiksaan bagi Subjek Jabatan, sebuah Lembaga Peperiksaan di peringkat Kementerian adalah diwujudkan dan ianya merupakan badan tertinggi bagi urusan peperiksaan Subjek Jabatan di Kementerian. Keahlian Lembaga ini adalah seperti berikut :-

Pengerusi Ketua Setiausaha/Timbangan Ketua Setiausaha
Ahli-ahli Ketua-Ketua Jabatan di bawah Kementerian Berkenaan atau wakil Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam
Setiausaha Setiausaha Bahagian yang bertanggungjawab mengenai urusan perkhidmatan.

6. **Kuasa-Kuasa Lembaga Peperiksaan Kementerian**

6.1 Kuasa-kuasa dan bertanggungjawab Lembaga Peperiksaan Kementerian adalah seperti berikut :-

- i. Menentu dan meluluskan sukatan peperiksaan bagi Subjek Jabatan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang terletak di bawah Kementerian berkenaan.
- ii. Melantik mana-mana pegawai Kerajaan dan panel-panel peperiksaan dengan jumlah keanggotaan yang sesuai untuk menguruskan peperiksaan-peperiksaan berkenaan.
- iii. Menimbangkan rayuan-rayuan berhubung dengan sesuatu peperiksaan.

7. **Penubuhan Panel Peperiksaan**

7.1 Bagi membantu Lembaga Peperiksaan berkenaan, Panel-panel peperiksaan hendaklah ditubuhkan bagi mengurus dan mengendalikan peperiksaan-peperiksaan dalam bidang-bidang berkenaan mengikut sukatan peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

7.2 Bidang kuasa Panel Peperiksaan adalah meliputi perkara-perkara berikut :-

- i. Menentu taraf dan mutu soalan.
- ii. Melantik penggubal-penggubal soalan.
- iii. Menetapkan dan mengesahkan soalan peperiksaan yang disediakan oleh penggubal.
- iv. Mengesahkan contoh jawapan kepada soalan yang diluluskan bagi kertas peperiksaan.
- v. Melantik pemeriksa-pemeriksa yang terdiri daripada seorang ketua pemeriksa dan dibantu oleh pemeriksa-pemeriksa
- vi. Menentukan sistem markah peperiksaan.
- vii. Menyediakan laporan dan analisis bagi setiap peperiksaan kepada Lembaga Peperiksaan berkenaan.

8. Dasar Peperiksaan

8.1 Dasar-dasar peperiksaan yang berkaitan dengan urusan peperiksaan dalam perkhidmatan awam sama ada yang menyentuh mengenai Subjek Umum dan Subjek Jabatan adalah di bawah bidangkuasa Jabatan Perkhidmatan Awam.

9. Pengecualian Peperiksaan

9.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan bertanggungjawab untuk menimbangkan pengecualian-pengecualian peperiksaan bagi Subjek-Subjek Umum dan Subjek Jabatan bagi pegawai perkhidmatan Gunasama di bawah KPPA. Bagi peperiksaan-peperiksaan Subjek Jabatan yang dikendalikan oleh Kementerian, maka pertimbangan pengecualian ini adalah di bawah kuasa Ketua Setiausaha Kementerian.

10. Peraturan Lembaga dan Panel Peperiksaan

10.1 Lembaga dan Panel-panel Peperiksaan hendaklah mengadakan peraturannya masing-masing. Mesyuarat Lembaga dan Panel Peperiksaan akan ditetapkan dari masa ke

semasa oleh Pengerusi Lembaga ataupun Panel Peperiksaan berkenaan.

11. Penumpangan Untuk Menduduki Peperiksaan Di Kementerian Lain

11.1 Ketua Setiausaha Kementerian boleh menggunakan budibicaranya untuk membenarkan kakitangannya untuk menduduki sesuatu peperiksaan bagi subjek tertentu yang ada dikendalikan oleh Kementerian lain dengan syarat sukatan peperiksaannya adalah setaraf dengan keperluan skim perkhidmatan yang berkenaan dan sesuai dengan bidang tugas pegawai berkenaan.

12. Tarikh Kuatkuasa

12.1 Tarikh kuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini ialah mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

13. Pembatalan

13.1 **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1982** adalah dengan ini dibatalkan.



TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

7 Oktober, 1998.